

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 30.10.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sejauh manakah seriusnya gejala dadah dalam kalangan pelajar sekolah dan penuntut universiti dan apakah usaha yang dilakukan bagi membanteras gejala ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membendung gejala dadah dalam kalangan murid. Menerusi saringan ujian urin kertas jalur yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 31 Julai 2017 hanya 0.03 peratus murid dikesan mencuba dadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membanteras gejala dadah dalam kalangan murid sekolah secara terancang telah bermula semenjak tahun 1986. KPM melaksanakan pendekatan pendidikan pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah. Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dilaksanakan di dalam dan luar kelas menerusi kurikulum, kokurikulum

serta pembangunan sahsiah. Semua sekolah mempunyai jawatankuasa PPDa yang menyelaraskan pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun. Antara aktiviti PPDa yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah seperti Mesej Lima (5) minit, Sambutan Minggu Anti Dadah, Bilik / Lalan PPDa, Pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan dan Skim Lecana Anti Dadah (SLAD).

Aktiviti PPDa juga dilaksanakan dengan kerjasama AADK, Kementerian Kesihatan (KKM) dan PEMADAM. Aktiviti yang dilaksanakan dengan kerjasama AADK ialah seperti:-

1. Ujian Urin untuk murid sekolah menengah;
2. Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) untuk murid-murid yang dikesan mencuba dadah; dan
3. Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah di kawasan berisiko.